Pemahaman Teks

Praktis PT3 **Puisi Tradisional – Pantun Budi**

Baca pantun di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

1 Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi yang baik rasa nak **junjung**.

2 Yang kurik kundi,
Yang merah saga;
Yang baik budi,
Yang indah bahasa.

3 Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.

4 Bunga cina di atas batu,
Jatuh daunnya ke dalam ruang;
Adat dunia memang begitu,
Sebab emas budi terbuang.

5 Anak beruk di tepi pantai,
Pandai melompat pandai berlari;
Biar buruk kain dipakai,
Asal hidup pandai berbudi.

6 Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.

7 Padang Temu padang baiduri,
Tempat raja membangun kota;
Bijak bertemu dengan **jauhari**,
Bagai cincin dengan permata.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Nota SMART

Pantun

- Karangan berangkap yang menggunakan bahasa yang indah dan mempunyai maksud tersurat dan tersirat.
- Pantun dikategorikan berdasarkan fungsinya, iaitu pantun kanak-kanak, pantun budi, pantun sindiran, pantun jenaka, pantun nasihat, pantun teka-teki, dan sebagainya.
- Pantun terbahagi kepada pantun dua kerat, empat kerat, enam kerat, lapan kerat, sepuluh kerat, dua belas kerat, dan pantun berkait.

Entri Kata

- **budi** – kebaikan
- **junjung** – dipandang tinggi
- **hina** – dipandang rendah
- **jauhari** – orang yang mahir mengenai emas

1. Berdasarkan rangkap ketiga, siapakah yang akan dipandang hina?
   - A Orang yang hidup dalam kemiskinan
   - B Orang yang tidak berbudi bahasa
   - C Orang yang mementingkan kekayaan
   - D Orang yang tidak mengenang jasa

Bijak bertemu dengan jauhari

2. Unsur gaya bahasa yang digunakan dalam baris pantun di atas ialah
   - A anafora.
   - B simile.
   - C metafora.
   - D personifikasi.

3. Antara yang berikut ialah persoalan yang terdapat dalam pantun, **kecuali**
   - A budi bahasa akan dilupakan sekiranya seseorang itu mementingkan kekayaan.
   - B darjat sesuatu bangsa dipandang tinggi kerana bahasanya.
   - C kesusahan hidup bukan suatu halangan untuk membalas budi.
   - D orang yang tidak berbudi bahasa akan dipandang hina.

Praktis PT3 Cerpen – Talia dan Raksasa Qadqad

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Tuan Binjah," tegur si pemandu kereta api. "Ada berita buruk!"

Mata lelaki bernama Binjah itu **terbeliak**. "Apa dia, Sidek?"

"Kem balak di timur kacau-bilau. Ada kumpulan katak raksasa menyerang."

Dido dan Misa tersentak.

"Tujuh orang mati, tuan. Dua puluh lagi cedera."

Kesemua mereka terpegun.

Menurut Sidek, beratus-ratus ekor haiwan itu menyertai setiap satu serangan. Berdasarkan cerita salah seorang pembalak yang terselamat, pada hari yang sebelumnya, sebatang balak menimpa sarang makhluk itu. Biarpun tidak cedera teruk, keluarga haiwan itu terperangkap. Namun, entah apa-apa alasannya, mandur kem balak menetak mati kesemua yang **terperangkap** itu. Tindakannya itulah yang menjerut manusia lain dengan hukuman mati.

"Qadqad ... qraakkk!"

Bunyi itu tiba-tiba kedengaran dari arah laluan kereta api. Sejurus kemudian, deru loncatan tinggi muncul dari hutan, mengiringi objek-objek bagaikan bola bertanduk yang terbang laju. Kawasan itu seolah-olah **diserbu** lingkaran reben gergasi hijau kuning yang diliukkan angin.

"Lari! Lari!" Sidek menjerit.

Para pekerja bertempiaran meninggalkan tugas masing-masing. Pekerja yang berdekatan kapal korek terjun ke dalam lombong. Talia sempat melihat seorang lelaki tumbang dirodok Qadqad.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Nota SMART

Watak

- Watak merupakan orang yang memainkan peranan penting dalam sesebuah cerpen.
- Watak menampilkan perwatakan tertentu seperti perwatakan luaran dan dalaman.

Entri Kata

- **terbeliak** – terbuka luas-luas
- **terperangkap** – terkurung
- **diserbu** – diserang
- **dirodok** – ditusuk

1. Mengapakah manusia diserang oleh Qadqad?
   - **A** Manusia memusnahkan kediaman Qadqad di dalam hutan
   - **B** Manusia bertindak membakar hutan di Bukit Ungu
   - **C** Membalas dendam kerana keluarga haiwan itu dibunuh oleh manusia
   - **D** Manusia menangkap dan mengurung keluarga Qadqad

2. Antara yang berikut ialah gambaran perwatakan Qadqad berdasarkan petikan, **kecuali**
   - **A** warnanya hijau dan kuning.
   - **B** mampu meloncat tinggi.
   - **C** bergerak selaju angin.
   - **D** berbentuk bulat bertanduk.

3. Pilih latar tempat yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut.
   - **A** Kem balak dan kawasan lombong
   - **B** Kem balak dan stesen kereta api
   - **C** Kawasan lombong dan stesen kereta api
   - **D** Stesen kereta api dan kawasan hutan

4. Pada pendapat anda, mengapakah Binjah dan Sidek tidak berani untuk melawan Qadqad?
   - **A** Haiwan Qadqad sangat ganas dan kuat
   - **B** Semua pekerja mereka sudah melarikan diri
   - **C** Semua senjata mereka sudah dimusnahkan oleh haiwan Qadqad
   - **D** Talia dan keluarganya tidak mahu membantu mereka

LIVEWORKSHEETS